

Penularan COVID-19

Negara sekali lagi catat lebih 5,000 kes

5,728 jangkitan baharu dengan
lima penularan dari luar negara

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia sekali lagi mencatatkan kes baharu tertinggi semalam, iaitu sebanyak 5,728 kes dan lima daripadanya adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 209,661 kes.

Katanya, Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi, iaitu 3,285 kes (57.3 peratus) dan daripada jumlah itu 2,467 kes atau 75.1 peratus adalah daripada kluster sedia ada serta saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Johor sebanyak 792 kes (13.8 peratus) dan Kuala Lumpur sebanyak 480 kes (8.4 peratus). Sebanyak 132 kes (2.3 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster dalam lokap, depot tahanan imigresen dan penjara.

"Ia membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (103 kes), Kluster Tembok Choh (6 kes), Kluster Tembok Taiping (6 kes), Kluster



**16 kluster dikesan
berpunca dari
tempat kerja, rentas
negeri, aktiviti
keramaian dan saringan
masuk ke sekolah
berasrama. Daripada
16 kluster baharu itu,
13 kluster berpunca
di tempat kerja.**

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

KES POSITIF MENGIKUT NEGERI

(setakat 30/1/2021, 12PM)



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19


Bilangan Kes Positif : **209,661**

Kes Baharu : **5,728**

Jumlah Discaj : **161,527**

Kes Unit Rawatan Rapi (ICU) : **319**

Jumlah Kematian : **746**



Sumber: CPRC, KKM

Tembok Renggam (5 kes), Kluster Matambai (3 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (3 kes) serta Kluster DTI Sepang 2 (3 kes)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini, seramai 319 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 120 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Bagi kes kematian, beliau berkata, 13 kes dilaporkan iaitu empat di Selangor, masing-masing dua kes di Sabah, Labuan dan Perak serta masing-masing satu kes di Johor, Sarawak dan Melaka.

Sementara itu, mengenai kluster baharu semalam, Dr Noor Hisham berkata, 16 kluster dikesan yang berpunca dari tempat kerja, rentas negeri, aktiviti keramaian dan saringan masuk ke sekolah berasrama.

Daripada 16 kluster baharu itu, 13 kluster berpunca di tempat kerja dan tiga lagi dalam kalangan komuniti.

"Kluster pertama ialah Kluster Jalan Trompet (Klang dan Petaling) yang menjangkiti 74 individu; Kluster Kampung Hala (Sabak Bernam) menjangkiti 27 kes; Kluster Jalan Suasa (Johor Bahru) menjangkiti 29 kes dan Kluster Jalan Riang (Johor Bahru) dan menjangkiti 13 kes.

"Kluster lain ialah Kluster Jalan Utama (Kulai) dan menjangkiti 29 kes; Kluster Jalan Lombong (Kota Tinggi) serta menjangkiti 11 kes; Kluster Bukit Grisek (Tangkak) dan menjangkiti 18 kes; Kluster Bayu Tampoi (Johor Bahru) serta menjangkiti 14 kes.

"Bagi kluster seterusnya dikenali sebagai Kluster Lingkaran Maluri (Cheras) dan sudah menjangkiti 33 kes; Kluster Desa Tun

(Cheras) dan menjangkiti 21 kes; Kluster Jalan Labuk (Sandakan) serta menjangkiti 15 kes; Kluster Lasah (Kuala Kangsar) di mana 24 kes dijangkiti serta Kluster Tersat (Hulu Terengganu, Kuala Terengganu dan Marang) serta sudah menjangkiti 35 kes," katanya.

Bagi Kluster Tanah Putih, ia dikesan di daerah Kuantan dan sudah menjangkiti 19 individu.

"Kluster Jalan Ketengah (Kuantan, Temerloh, Jerantut, Maran, Negeri Sembilan dan Tanah Merah) pula sudah menjangkiti 14 kes serta terakhir Kluster Taman Amalina (Raub) sudah menjangkiti 13 kes," katanya.

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 3,805 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh daripada COVID-19 di negara ini 161,527 kes atau 77.04 peratus.